

PERANAN SUAMI SEBAGAI PELINDUNG KELUARGA MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

ISLAMIC PERSPECTIVE ON HUSBAND'S ROLE AS THE PROTECTOR OF THE FAMILY

Abdul Syahid Abdul Rashid¹, Siti Suhaila Ihwani², & Zilal Saari³

*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains dan Sosial Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia^{1,2}*

*Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Universiti Teknologi Malaysia³*

a.abdulsyahid@graduate.utm.my¹, sitisuhaila@utm.my², & zilal@utm.my³

ABSTRACT

Family is the most crucial fundamental institution in shaping the society and fostering the development of human civilisation. In Islam, men are entrusted with the responsibility of leading the family and are tasked with protecting its members from all forms of harm. However, this responsibility is often taken lightly by some men, leading to various domestic issues and contributing to the rise of social problems within the Muslim community. Therefore, this study aims to analyse the role of the husband as the protector of the family from an Islamic perspective. This research employs a qualitative approach by examining classical Islamic scholarly texts, particularly in the fields of tafsir, hadith and fiqh. The findings reveal that Islam obligates husbands to safeguard their family through firm control and vigilant supervision to prevent them from engaging in sinful behaviour. As such, Islam emphasizes on the value of ghayrah as a key trait in fulfilling the responsibility. Conversely, Islam strongly prohibits the trait of dayyuth which poses serious threats to fundamental aspects of human life, particularly religion, dignity, and lineage. This study is significant, particularly in assisting the LPPKN for the formulation and strengthening of the Fatherhood Module.

Keywords: *Family, husband, protector, Islam*

ABSTRAK

Keluarga merupakan sebuah institusi asas yang paling penting dalam pembentukan masyarakat majmuk bagi membina ketamadunan manusia. Menurut Islam, lelaki telah dipertanggungjawabkan sebagai pemimpin dalam sesebuah keluarga, berperanan melindungi mereka daripada segala bentuk keburukan. Namun begitu, tanggungjawab ini diambil remeh oleh sebahagian lelaki sehingga menimbulkan permasalahan rumahtangga, seterusnya mengakibatkan peningkatan isu sosial dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisa konsep peranan suami sebagai pelindung keluarga berdasarkan perspektif Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui penelitian terhadap penulisan turath ulama terdahulu khususnya dalam bidang tafsir, hadis dan fiqh. Kajian mendapati bahawa Islam telah mewajibkan suami menjaga ahli keluarga dengan kawalan dan pengawasan yang ketat daripada melakukan kemungkaran. Oleh yang demikian, Islam menekankan sifat ghairah sebagai kunci utama dalam menjalani tanggungjawab melindungi keluarga. Islam juga menegah sifat dayus yang akan menggugat pelbagai aspek kehidupan manusia terutamanya agama, maruah dan keturunan. Kajian ini mempunyai kepentingan terutamanya dalam membantu pihak LPPKN dalam perangkaan dan pemeriksaan Modul Kebapaan.

Kata Kunci: Keluarga, suami, pelindung, Islam.

PENGENALAN

Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan (2005), peranan bermaksud watak atau tugas (bahagian, pekerjaan) yang dilakukan untuk menjayakan sesuatu. Manakala peranan dalam ilmu sosiologi dikenali sebagai pola perbuatan yang diharapkan daripada satu individu yang mempunyai status jawatan tertentu dalam sesebuah kumpulan bagi menjayakan misi dan visi yang dikehendaki (Britannica, 2020). Setiap kedudukan dan status sosial manusia mempunyai peranan tertentu, dan pelaksanaan peranan tersebut akan menjamin kejayaan sesebuah organisasi. Secara umumnya, pemimpin sesebuah organisasi memikul tugas dan tanggungjawab yang paling berat memandangkan kepemimpinan mempunyai pengaruh terbesar dalam menentukan hala tuju organisasi tersebut.

Dalam aspek institusi kekeluargaan, suami/ bapa merupakan pemimpin keluarga sebagaimana yang diiktiraf oleh agama Islam dan serta selari dengan prinsip umum yang diterima dalam pelbagai budaya dan masyarakat global. Justeru mereka mempunyai peranan yang paling besar dan menyeluruh dalam mengendalikan urusan kekeluargaan. Peranan kepemimpinan ketua keluarga merangkumi peranan sebagai pentadbir, pendidik dan pelindung. Allah telah melantik pihak lelaki sebagai pemimpin yang bertanggungjawab menguruskan kehidupan pihak wanita sebagaimana seorang raja diberikan mandat dalam menguruskan kebajikan rakyatnya (al-Baidhowi, 1911). Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah an-Nisa:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Terjemahan: *Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.*

(Surah al-Nisa', 4: 34)

Peranan yang seberat itu ditaklifkan kepada suami atau bapa berdasarkan kelebihan fitrah semula jadi lelaki yang dikurniakan tubuh badan yang lebih kuat serta kapasiti mental yang lebih stabil sehingga mampu membuat keputusan yang rasional dalam segala aspek kehidupan berkeluarga seperti pendidikan dan kewangan (al-Maraghi, 2015).

Oleh itu, sarjana Islam silam dan kontemporari telah mengambil inisiatif untuk menulis pelbagai penulisan berkaitan kekeluargaan sama ada dalam bentuk buku tafsir, syarahan hadis atau fiqah menerangkan tanggungjawab lelaki sebagai ketua keluarga dan hukum-hakam kekeluargaan sebagai panduan bagi pihak suami dan bapa dalam memandu keluarga ke arah kejayaan dunia dan akhirat.

Latar Belakang Kajian

Keluarga merupakan institusi asas dalam pembentukan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pasangan suami dan isteri, dan seterusnya kemudian diperkembangkan nasabnya dengan kelahiran anak dan cucu. Dalam konteks Islam, suami merupakan ketua keluarga yang berperanan memastikan kesejahteraan dan keselamatan ahli keluarganya dalam segala aspek kehidupan khususnya dari sudut spiritual. Tanggungjawab ini digambarkan sebagai satu bentuk pemeliharaan atau perlindungan sebagaimana yang termaktub dalam surah al-Tahrim:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya*

(Surah al-Tahrim, 66:6)

Berdasarkan ayat ini, Allah telah memerintahkan ketua keluarga supaya menjauhkan dirinya dan ahli keluarga daripada seksaan neraka dengan memberi didikan dan nasihat kepada mereka supaya tidak terjebak dalam perkara yang mengingkari arahan dan melakukan larangan Allah (Tontowi, 1978).

Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir lelaki tidak memberikan perhatian yang serius terhadap usaha perlindungan keluarga daripada perkara yang dimurkai Allah. Tambahan pula, landskap kehidupan berkeluarga telah berubah dipengaruhi oleh cabaran zaman moden seperti perubahan gaya hidup serta perkembangan teknologi dan media sosial yang semakin menambah kesukaran dalam menjalani tanggungjawab tersebut. Pengabaian peranan ini telah memberi impak negatif terhadap keutuhan sesebuah institusi kekeluargaan serta menyumbang kepada peningkatan keruntuhan akhlak masyarakat (Wan Abdul Fattah et. al, 2022).

Suami yang mengabaikan didikan agama kepada isteri dan anak-anak akan menyebabkan pelbagai kerosakan moral dalam kalangan ahli keluarga. Tiada kawalan dan pengawasan terhadap ahli keluarga juga mengakibatkan mereka terjebak dalam gejala sosial tanpa pengetahuan suami. Ini termasuklah kelakuan suami membiarkan isteri keluar rumah tanpa izin atau memakai pakaian yang tidak menutup aurat atau bergaul bebas dengan ajnabi sehingga berisiko terjalinnya hubungan haram antara isteri dan lelaki asing. Yang lebih mendukacitakan apabila suami dan isteri bersama-sama menyertai aktiviti persundalan dikenali sebagai *swinging* dimana mereka bersukarela bertukar-tukar pasangan dalam perisetubuhan. Pada tahun 2024, masyarakat Islam di Malaysia digemparkan dengan kemunculan aktiviti *swinging* di negara ini. PDRM yang dibantu oleh JAWI berjaya menahan 36 individu yang terjebak dalam kegiatan songsang ini dalam serbuan berasingan di Kuala Lumpur dan Puchong (Nor Azizah, 2024). Menurut siasatan mereka, 36 tahanan tersebut dipercayai tergolong dalam 147,000 pelanggan tetap laman sesawang '*Swing That Fun*' yang mempromosikan kegiatan persundalan ini secara meluas di Internet.

Di samping itu, pengabaian peranan pelindung juga mengakibatkan keterlibatan yang tinggi oleh masyarakat remaja dan dewasa Islam di Malaysia dalam aktiviti keruntuhan moral yang mengancam struktur sosial seperti pergaulan bebas, pelacuran dan penzinaan (Wan Abdul Fattah, 2022). JPN mendedahkan data yang mendapati terdapat 543,363 anak tak sah taraf telah didaftarkan di seluruh negara bagi tempoh 12 tahun bermula tahun 2006 sehingga 2017 (Nor Izzati, 2021). Tambahan pula, kemajuan teknologi menambahkan keparahan situasi ini, memandangkan bahan lucah dan pornografi semakin mudah untuk diperoleh menggunakan telefon pintar dengan melayari internet tanpa tapisan dan batasan. Malaysian Against Pornography (MAP) menganggarkan 80% kanak-kanak yang berusia antara 10 hingga 17 tahun pernah menonton pornografi secara sengaja (Siti Mapuzah, 2023).

Menurut pemerhatian awal pengkaji, keruntuhan akhlak dan moral seperti ini berkemungkinan berlaku akibat ketiadaan atau kekurangan sifat cemburu dalam diri suami. Keadaan ini seterusnya menghasilkan ketidakprihatinan dan sikap acuh tak acuh dalam melindungi keluarganya daripada terjebak dalam keburukan. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan bagi memperluaskan kajian dan analisis mengenai peranan suami sebagai pelindung keluarga serta sifat cemburu sebagai elemen penting dalam menjayakan tanggungjawab tersebut dari sudut perspektif Islam. Dengan meneliti isu ini, kajian ini diharapkan dapat membantu memperkukuhkan pemahaman masyarakat mengenai kepentingan peranan suami dan bapa sebagai pelindung keluarga serta memberi panduan cara menjalankan tugas tersebut dalam mengekalkan keutuhan institusi rumah tangga Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini sangat sesuai untuk menjalankan kajian terhadap topik perbincangan yang kompleks secara terperinci seperti menganalisis tanggungjawab suami dalam melindungi dan menjaga keluarganya mengikut sudut pandangan Islam. Penyelidikan perpustakaan dipilih sebagai metode utama kajian ini melihat kepada kerelevanan dan kebolehpercayaan maklumat yang mampu diperolehi daripada sumber penyelidikan.

Pengkaji berpandukan pelbagai sumber primer yang terdiri daripada karya-karya turath Islam bagi mengkaji pandangan ulama silam dalam memahami peranan suami dan hukum-hakam yang berkaitan. Maklumat juga diperolehi daripada sumber sekunder dan kajian terkini seperti artikel, tesis dan buku kajian kekeluargaan Islam sebagai sokongan kepada pandangan ulama silam. Sumber-sumber ini didapati daripada koleksi peribadi, perpustakaan awam dan salinan digital dalam bentuk PDF.

Pengkaji juga mengaplikasikan kaedah analisis kandungan memandangkan kajian ini tertumpu kepada kemahiran untuk meneliti isi kandungan kitab arab klasik dan kajian ilmiah semasa. Maklumat penting dari sumber tersebut diekstrak bagi menerangkan tanggungjawab suami dalam memberikan perlindungan kepada keluarga. Proses penyelidikan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Menganalisis makna suami sebagai pelindung keluarga berdasarkan ayat 6 daripada surah al-Tahrim berpandukan kitab tafsir yang muktabar seperti Tafsir al-Tabari, al-Qurtubi, dan al-Razi. Tafsir kontemporari juga dimanfaatkan untuk maklumat tambahan seperti Tafsir al-Zuhaili dan Quraish Shihab. Sumber yang sama juga dirujuk bagi menghuraikan tafsiran ayat 34 dalam surah al-Nisa bagi menjelaskan garis panduan dalam menangani isu nusyuz menurut perspektif Islam.
2. Menerangkan hak dan kewajipan suami isteri, termasuk isu berkaitan seperti nusyuz dan kaedah menanganinya menurut perspektif fiqah berpandukan kitab muktamad mazhab Syafie melihat kepada konteks wpengamalan mazhab Syafie di Malaysia. *Minhaj al-Thalibin*, *Tuhfat al-Muhtaj*, *Nihayat al-Muhtaj* dan *Mughni al-Muhtaj*.
3. Merujuk *al-Kutub al-Sittah* (Kitab induk hadis yang enam) yang terdiri daripada Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmizi, Sunan Nasai, Sunan Ibn Majah. Kesemua karya ini merupakan sumber primer yang berautoriti dalam proses pemilihan hadis yang relevan sebagai sandaran hukum-hakam kekeluargaan, kepentingan sifat ghairah dan larangan terhadap sifat dayus. Juga dimanfaatkan syarahan kitab hadis tersebut seperti *Fath al-Bari* dan *Hashiyat al-Imam al-Sindi* bagi menghuraikan dalil hadith yang diutarakan.
4. Memperoleh syarahan dan maklumat tambahan mengenai sifat ghairah dan dayus berdasarkan kitab yang mengandungi bab bertemakan kekeluargaan seperti *Ihya' Ulum al-Din*.
5. Membaca kajian ilmiah semasa, termasuk jurnal dan tesis sebagai sokongan terhadap pandangan ulama silam.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Suami Sebagai Pelindung Keluarga

Allah telah menyerahkan taklifan dan kuasa kepada kaum lelaki bagi mengatur selok-belok kehidupan kaum wanita sama ada dalam urusan agama, negara atau keluarga memandangkan lelaki telah dianugerahkan kelebihan *fitri* (semulajadi) dan *kasbi* (kemampuan mencari sumber pendapatan)

selaras dengan ayat 34 daripada surah al-Nisa' (al-Maraghi, 2015). Justeru itu, suami menduduki hierarki tertinggi dalam institusi kekeluargaan sebagai ketua keluarga, bertanggungjawab menguruskan segala urusan keluarganya sebagaimana seorang raja diberikan mandat menguruskan negaranya khususnya dalam mengaturkan kebajikan rakyatnya (al-Baidhowi, 1911). Sabda Rasulullah SAW dalam riwayat Ibn Umar:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْأَمِيرُ رَاعٍ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ

Terjemahan: *Kalian semua adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas yang dipimpin. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat bertanggungjawab atas rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas ahli keluarganya*

(Bukhari, 2018: 5200)

Suami yang memegang kedudukan *Qawwamah* (kepemimpinan) memikul tanggungjawab yang paling besar dalam pengurusan keluarga merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti sara hidup, keperluan harian, pendidikan dan perlindungan. Antara peranan suami yang sangat ditekankan dalam Islam ialah tanggungjawabnya sebagai pelindung dan penjaga ahli keluarganya daripada perkara yang memudaratkan. Firman Allah dalam surah al-Tahrim:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan isteri kamu dari neraka*

(Surah al-Tahrim, 66:6)

Menurut al-Tabari (2021), pemeliharaan dan perlindungan yang dimaksudkan ialah memberi tunjuk ajar dan membimbing keluarga supaya mentaati perintah dan larangan Allah, di mana ketaatan tersebut akan menjaga umat Islam daripada azab yang berkekalan di akhirat. Tafsiran al-Tabari (2021) terhadap ayat ini menggambarkan peranan pelindung suami sebagai seorang pendidik yang bertugas mengajarkan keluarganya mengenai Islam dan hukum-hakamnya. Ayat ini juga menerangkan bahawa didikan dan dakwah perlu bermula seawal di peringkat rumah (Quraish Shihab, 2021).

Manakala al-Qurtubi (2010) pula memahami bahawa Allah memerintahkan umat Islam membina benteng yang melindungi dirinya serta ahli keluarga daripada neraka, justeru suami perlu menyuruh ahli keluarganya melakukan ketaatan serta menghalang mereka daripada melakukan maksiat melalui peringatan dan ajakan supaya Allah menyelamatkan mereka daripada azab neraka. Hal ini menggambarkan peranan pelindung suami sebagai satu bentuk autoriti dan kekuasaan yang bertanggungjawab menghalang keluarga daripada terjerumus ke dalam kemaksiatan, senada dengan tafsiran al-Razi (1981).

Menurut al-Zuhaili (2003), gaya bahasa yang diguna pakai dalam ayat ini berbentuk majaz mursal dengan menyatakan musabab secara lafaz, tetapi membawa makna sebab kepada kesan tersebut. Ini bermakna mentaati perintah Allah merupakan sebab dan faktor utama dalam mengecapi perlindungan dan pemeliharaan diri sendiri serta ahli keluarga daripada azab neraka. Oleh itu, ketua keluarga berperanan membiasakan ahli keluarga supaya meninggalkan larangan Allah dan melaksanakan ketaatan kepada-Nya sebagai langkah melindungi mereka daripada azab api neraka (al-Zuhaili, 2003).

Berdasarkan tafsiran yang diberikan oleh para tafsir silam dan kontemporari seperti al-Tabari (2021), al-Razi (1981), al-Qurtubi (2010), al-Zuhaili (2003) dan Quraish Shihab (2021), perlindungan yang dinyatakan pada ayat 6 dalam surah al-Tahrim lebih merujuk kepada aspek perbuatan dan spiritual, iaitu penjagaan ahli keluarga daripada mengingkari suruhan Allah dan melakukan larangan-Nya.

Kedua-dua perbuatan tersebut dianggap sebagai satu bentuk kezaliman dan kemaksiatan kepada Allah. Maka, ayat ini menggambarkan peranan ketua keluarga yang bertanggungjawab mendidik ahli keluarga dengan ilmu penghayatan agama serta mengawasi tingkah laku mereka.

Menurut Siti Halimah et.al (2020), fungsi kepimpinan suami merangkumi penyediaan perlindungan fizikal dan mental, didikan serta bimbingan, dan juga kawalan serta pengawasan. Melihat kepada sudut menjaga keperluan dan kepentingan keluarga, beliau berpendapat bahawa pengurusan ekonomi keluarga dan layanan baik terhadap ahli keluarga merupakan satu bentuk perlindungan yang wajib disediakan oleh suami. Di samping itu, beliau turut membezakan antara fungsi perlindungan dengan fungsi kawalan serta pengawasan yang lebih tertumpu kepada pencegahan maksiat dalam kalangan ahli keluarga (Siti Halimah et. al, 2020).

Mengikut pertimbangan pengkaji, pengklasifikasian tiga fungsi utama kepemimpinan suami sebagaimana yang dikemukakan oleh Siti Halimah et al. (2020) boleh diteliti semula. Hal ini kerana ketiga-tiga fungsi tersebut dilihat saling berkait dan boleh diujahkan sebagai komponen yang berada di bawah payung konsep perlindungan dalam kerangka tanggungjawab suami menurut perspektif Islam. Berdasarkan sudut perlindungan yang dikemukakan oleh beliau, pendidikan dan pengawasan juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada keperluan dan kepentingan keluarga, khususnya dalam konteks melindungi ahli keluarga daripada keburukan. Dari aspek kewangan, suami perlu melindungi keperluan material keluarga daripada kemiskinan. Bagi aspek pendidikan pula, suami perlu melindungi keluarga daripada kejahilan. Manakala dalam aspek pengawasan pula, suami perlu melindungi keperluan spiritual dan tingkah laku keluarga daripada terjerumus dalam kemaksiatan. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa klasifikasi yang lebih baik dalam fungsi dan peranan suami ialah sebagai pentadbir, pendidik dan pelindung, di mana setiap fungsi ini merangkumi aspek kehidupan yang berbeza, namun saling berkait rapat.

Bahkan, para ulama telah menjelaskan dalam tafsiran mereka terhadap ayat 6 dalam surah al-Tahrim bahawa perintah perlindungan suami terhadap keluarga yang hanya berkisarkan pemerhatian yang teliti terhadap tindak-tanduk supaya tidak terlanjur melakukan maksiat serta memberi nasihat dan bimbingan. Maka, pengkaji berpendapat, suami berperanan sebagai pelindung keluarga membawa maksud tanggungjawab suami dalam mengawal tingkah laku serta menghalang ahli keluarganya daripada melampaui ketetapan dan batasan agama yang terdiri daripada suruhan dan larangan Allah.

Kawalan Dan Pengawasan Suami Terhadap Keluarga

Antara peranan terpenting seorang suami ialah menjaga ahli keluarganya daripada perkara negatif yang boleh menggugat keselamatan dan maruah baik sesebuah keluarga. Oleh itu, suami perlu bersikap prihatin dan berfikir secara mendalam dalam membuat keputusan yang terbaik bagi menguruskan rutin harian keluarga, merangkumi aktiviti di dalam dan luar rumah. Hal ini amat penting kerana penyediaan medium pendidikan agama sahaja, tanpa disertai kawalan dan pengawasan yang berkesan, tidak memadai untuk melindungi isteri dan anak-anak daripada melampaui batasan larangan agama (Siti Halimah et. al, 2020).

Kawalan dan pengawasan terhadap isteri

Allah telah memerintah isteri supaya taat kepada semua suruhan dan larangan suami kecuali dalam perkara yang melibatkan maksiat, tanggungjawab suami atau perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada isteri (al-Abbady, 2018). Menurut al-Abbady (2018), walaupun terdapat kesepakatan dalam kalangan ulama mengenai kewajipan isteri meminta izin suami untuk keluar rumah, tidak terdapat dalil yang jelas mengatakan sedemikian sama ada daripada ayat al-Quran atau hadis yang berstatus sahih. Namun begitu, Bukhari (2018) telah meriwayatkan satu hadis yang memberikan isyarat tentang kewajipan isteri meminta izin suami sebelum keluar rumah melalui periwayatan Ibn Umar:

إِذَا اسْتَأْذَنَكُمْ نِسَاؤُكُمْ بِاللَّيْلِ إِلَى الْمَسْجِدِ فَأَذْنُوا لَهُنَّ

Terjemahan: *Sekiranya isteri-isteri kalian meminta izin untuk menghadiri masjid pada waktu malam, maka berikan keizinan kepada mereka.*

(Bukhari, 2018: 865)

Menurut al-Asqalani (2004), al-Nawawi menggunakan hadis ini sebagai dalil bahawa seorang isteri tidak dibenarkan keluar daripada tempat tinggal yang disediakan oleh suami tanpa izin suami.

Al-Nawawi (2023) menegaskan bahawa perbuatan isteri meninggalkan rumah tanpa izin suami termasuk dalam sebab-sebab yang menjatuhkan kewajipan pembayaran nafkah kepadanya. Maka, kelakuan isteri meninggalkan rumah tanpa meminta atau mendapat kebenaran suaminya dianggap sebagai satu bentuk nusyuz dan derhaka kepada suami walaupun untuk tujuan ziarah atau ibadat seperti haji dan iktikaf (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2022) (al-Syirbini, 2022). Adapun, sekiranya suami tidak ada bersama isterinya seperti bermusafir atau menetap di luar negara, isteri dibenarkan berjumpa ahli keluarganya atau kaum kerabat yang bukan ajnabi serta dikekalkan haknya untuk menerima nafkah kerana perkara sebegini tidak dianggap nusyuz mengikut adat setempat (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2022). Manakala menurut al-Syirbini (2022), isteri dibenarkan berjumpa kaum kerabat dan jiran atas tujuan lawatan, ziarah, takziah atau urusan pengebumian ahli keluarga.

Selain itu, kepentingan suami sebagai pelindung isteri juga boleh dilihat melalui kuasa yang diberikan oleh Allah kepada suami untuk mengizinkan atau menolak permintaan seseorang untuk memasuki rumahnya. Oleh itu, isteri tidak dibenarkan membiarkan orang asing memasuki tempat tinggal mereka tanpa kebenaran suami, meskipun rumah tersebut adalah milik isteri. Sabda Rasulullah SAW melalui riwayat Abu Hurairah:

لَا يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَرَوْحُهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ وَلَا تَأْذَنَ فِي بَيْتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ وَمَا أَنْفَقَتْ مِنْ نَفَقَةٍ عَنْ غَيْرِ أَمْرِ فَإِنَّهُ يُؤَدَّى إِلَيْهِ شَطْرُهُ.

Terjemahan: *Tidak dibenarkan bagi seorang wanita berpuasa sunat ketika suaminya berada di rumah kecuali dengan izinnya, tidak dibenarkan membenarkan sesiapa memasuki rumah suaminya kecuali dengan izinnya, dan jika dia membelanjakan perkara yang dinafkahkan kepadanya tanpa diperintahkan, maka suaminya akan memperoleh sebahagian daripada ganjarannya.*

(Bukhari, 2018: 5195)

Berdasarkan hadis ini, isteri perlu meminta izin suami terlebih dahulu sebelum membenarkan seseorang memasuki tempat tinggalnya walaupun sekiranya suami berada di luar rumah.

Ketiadaan suami di rumah bukannya satu kebenaran bagi isteri mengizinkan orang luar memasuki rumah. Malah terdapat hadis-hadis sahih yang melarang manusia bertandang ke rumah seorang perempuan ketika ketiadaan suaminya (al-'Aini, 2001). Menurut al-Nawawi, sekiranya isteri mempunyai keyakinan bahawa suaminya reda akan kehadiran tetamu, maka dibolehkan bagi isteri mengizinkan tetamu tersebut memasuki rumah tanpa meminta izin suami (al-Asqalani, 2004). Ibn Battal juga menegaskan tidak dibenarkan bagi mana-mana lelaki atau wanita yang tidak disenangi oleh suami untuk diberikan keizinan memasuki rumah tanpa izinnya kerana terdapat kemungkinan situasi tersebut akan menimbulkan fitnah, hasil daripada buruk sangka dan fitnah (Ahmad Sanusi, 2023).

Merujuk kepada hak suami, isteri yang gagal menunaikan kewajibannya dalam menunaikan hak tersebut digelarkan sebagai *nasyizah* yang bermaksud isteri yang menderhakai suaminya. Dalam isu sebegini, suami sebagai pelindung perlu bertanggungjawab mengambil

tindakan yang bersesuaian dengan ketetapan syarak bagi menyelesaikan masalah nusyuz daripada berlanjutan yang mampu menggugat dan menjejaskan kesejahteraan institusi kekeluargaan.

Nusyuz

Nusyuz berasal daripada kamus bahasa Arab yang berbunyi *nishz* atau *nashaz*, yang bermakna kawasan tanah yang tinggi dari permukaan bumi, kadangkala difahami sebagai gunung (Ibn Manzur, 1999). Apabila berlaku proses morfologi kepada bentuk kata perbuatan, perkataan tersebut berubah menjadi *nasyaza yanshizu nushuzan* yang bermakna meninggi. Adapun dari sudut istilah fiqh, nusyuz bermakna menderhakai arahan suami (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2022). Perbuatan enggan menunaikan kewajipan dan hak suaminya yang ditetapkan oleh syariat adalah maksiat kepada Allah serta dianggap sebagai dosa besar (al-Haitami, 1938). Antara bentuk perbuatan nusyuz seorang isteri adalah seperti yang berikut (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2022):

1. Keluar dari rumah tanpa kebenaran suami tanpa keadaan darurat.
2. Bermusafir tanpa kebenaran suami.
3. Menolak hubungan intim antara suami isteri termasuklah *istimta'* apabila diminta tanpa keuzuran syarii.

Menyakiti suami dengan lisan sama ada melalui memaki hamun, meninggikan suara atau mengejek, tidak dianggap sebagai perbuatan nusyuz yang menjatuhkan kewajipan nafkah terhadap isteri. Walau bagaimanapun, perbuatan menyakiti suami tetap dianggap sebagai dosa besar dan perlu diberi bimbingan oleh suami agar tidak berulang lagi.

Kaedah menangani masalah nusyuz isteri

Islam telah meletakkan garis panduan yang sistematik serta berperingkat dalam menangani isteri yang tidak mentaati suaminya supaya dapat melindungi isteri daripada mengulangi kesalahan yang sama. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالصَّالِحَاتُ قَنَاطٌ يَٰحِفْظُهُنَّ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۚ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَمْسِكُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْعُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Terjemahan: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukululah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. (Surah al-Nisa': 4,34)

Berdasarkan ayat ini, al-Razi (1981) menggambarkan sifat *qawwamah* sebagai satu bentuk autoriti dalam membimbing isteri ke arah kebaikan. Ia juga merangkumi kebenaran untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan isteri mengikut kesesuaian masalah dan keadaan. Peringkat-peringkat pengendalian isu nusyuz isteri yang ditetapkan dalam ayat tersebut adalah seperti berikut:

1. Kenampakan tanda awal nusyuz

Tanda-tanda awal kenusyuzan termasuklah isteri bermasam muka tatkala suami bermanis muka atau membantah apabila suami mempamerkan kelembutan atau menggunakan intonasi kasar ketika membalas kemesraan suami (al-Syirbini, 2022). Pada peringkat ini, suami disunatkan memberi teguran secara berhikmah dengan mengingatkan isteri kepada Allah serta menakutkannya dengan ancaman dan azab Allah yang dijanjikan kepada mereka yang menderhaka dalam mentaati suaminya (al-Tabari, 2021) (al-Ramli, 2022). Serta perlu diberikan peringatan bahawa nusyuz boleh menjatuhkan kewajipan suami dalam menunaikan hak isteri seperti nafkah dan giliran bermalam (al-Syirbini, 2022). Pada peringkat ini, hanya disunatkan memberi nasihat dan teguran, manakala tidak digalakkan untuk meninggalkan tempat tidur atau memukul kerana kemungkinan besar perbuatan tersebut bukan dilakukan sebagai bentuk nusyuz (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2022).

2. Nusyuz buat kali pertama

Sekiranya isteri secara jelas telah melanggar kewajipan menunaikan hak suami dan tidak berulang, suami perlu memberikan teguran serta dibenarkan memisahkan tempat tidur, iaitu dengan tidak tidur bersamanya (al-Nawawi, 2023). Suami juga dibenarkan untuk tidak bercakap dengannya melebihi 3 hari bertujuan menunjukkan ketidakpuasan hati ke atas penderhakaannya dan memberi isyarat supaya memperbaiki kelakuannya (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2022). Al-Nawawi (2023) mempunyai kecenderungan terhadap keharusan memukul isteri di peringkat ini sekiranya diyakini tindakan tersebut dapat menghalang daripada pengulangan penderhakaan tersebut, bersalahan dengan jumhur fuqaha Syafie dari madrasah Iraq yang tidak mengharuskannya (al-Syirbini, 2022).

3. Pengulangan nusyuz

Sekiranya isteri masih menderhaka kepada suaminya selepas diberikan teguran serta dipisahkan tempat tidurnya, suami masih dituntut supaya memaafkan kesalahan tersebut (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2023). Walau bagaimanapun, suami dibenarkan memukul isterinya dengan pukulan yang bertetapan dengan garis panduan yang disusun oleh al-Syafie iaitu (al-Razi, 1981):

- a. Pukulan ringan yang tidak melukakan atau menyebabkan kecederaan.
- b. Pukulan tidak terkumpul pada satu tempat tubuh sahaja serta tidak memukul secara berturut-turut di satu tempat yang sama.
- c. Pukulan pada selain daripada muka atau anggota penting.
- d. Tidak melebihi 40 pukulan.

Memukul isteri pada peringkat ini hanya dibenarkan sekiranya suami meyakini bahawa hukuman ini mampu membendung penderhakaan isteri daripada berulang, bahkan diharamkan menjalani hukuman sebegini jika diketahui isteri akan terus melakukan perbuatan nusyuz (al-Haitami, 2020) (al-Ramli, 2023). Fuqaha Syafie juga mengharamkan perbuatan memukul isteri dengan pukulan yang mencederakan walaupun ia mampu menghalang isteri daripada mengulangi nusyuz.

Keharusan memukul isteri yang menzalimi hak suami tidak mempunyai perselisihan pendapat dalam kalangan ulama mujtahid, walau bagaimanapun mereka berbeza pendapat dalam isu keharusan memukul isteri yang melakukan maksiat dan melanggar hak Allah. Kajian Ibn al-Qarahdaghi (2007) mendapati khilaf ini turut berlaku dalam kalangan fuqaha Syafiiyyah terutamanya antara al-Haitami dan al-Ramli. Al-Haitami (2020) berpandangan bahawa diwajibkan bagi suami untuk memukul isteri yang masih meninggalkan solat sebagai jalan penyelesaian terakhir yang mampu memaksa isteri mendirikan solat serta tidak dibimbangi pukulan tersebut akan mengganggu keharmonian antara suami isteri. Manakala al-Ramli (2022) mengatakan tidak dibenarkan sama sekali memukul isteri yang meninggalkan solat serta tidak dikategorikan sebagai perbuatan nusyuz, senada dengan pendapat al-Syirbini (2022).

Merujuk kepada tuntutan syarak yang mewajibkan suami mengawal dan mengawasi pergerakan isteri serta tindakan yang perlu diambil terhadap penderhakaannya, perkara ini selaras dengan maqasid syariah dalam memelihara kesucian agama, maruah dan kehormatan serta keutuhan institusi rumahtangga. Dengan wujudnya autoriti sebegini, suami dapat memastikan isteri tidak terdedah kepada persekitaran atau pengaruh luar yang boleh mengheretnya kepada perlakuan yang bertentangan dengan nilai-nilai agama, sekaligus mengelakkan sebarang kemungkinan yang boleh mencetuskan fitnah yang akan mencemarkan nama baik keluarga. Maka, ketetapan syariat ini tidak bertujuan menzalimi dan mengekang kehidupan isteri, malah ia adalah manifestasi kasih sayang yang bertujuan untuk menjaga isteri daripada kemurkaan Allah dan azab-Nya serta mengekalkan keharmonian rumahtangga.

Pengawasan dan kawalan terhadap anak

Selain daripada peranan bapa sebagai pentadbir ekonomi keluarga dan juga sebagai pendidik anak-anak, seorang bapa turut memikul tanggungjawab untuk mengawasi perlakuan anak-anak sama ada di dalam atau di luar rumah. Hal ini demikian kerana, pendidikan semata-mata tidak menjamin bahawa anak-anak akan menerima, memahami atau mematuhi segala yang diajarkan. Justeru, pengawasan yang berterusan perlu dilakukan oleh bapa kerana ia merupakan aspek penting dalam melengkapkan fungsi tarbiah dalam institusi keluarga.

Dalam Islam, keperluan pengawasan terhadap anak ini tergambar dalam konsep kewalian bapa terhadap anak perempuan dalam perkahwinan, yang mana bapa diberikan autoriti untuk menikahkan anak perempuannya, sama ada ketika masih kecil atau dewasa, tanpa memerlukan keizinan anak tersebut selagi mana dia masih seorang dara (al-Nawawi, 2023). Meskipun demikian, disunatkan bagi seorang bapa untuk bertanya terlebih dahulu untuk meminta persetujuan anaknya berkenaan bakal suami yang akan menjadi pasangan hidupnya (al-Nawawi, 2023). Selain itu, anak perempuan yang masih kecil yang sudah dikahwini tidak boleh diserahkan kepada suaminya sehingga mencapai umur baligh, seperti mana Rasulullah SAW hanya duduk sebumbung bersama Aisyah selepas umurnya mencecah 9 tahun selepas 3 tahun perkahwinan.

Selain itu, bapa juga perlu mengatur aktiviti rutin harian anak dan menyelaraskan gaya hidup anak-anak bersesuaian dengan peringkat umur, di mana pendidikan dan pengawasan anak-anak perlu bermula seusai penyapihan anak daripada ibunya (Suwaid, 2000). Ini meliputi aspek pemakanan, pemakaian, ibadah fardu ain, penghayatan agama dan pembentukan peribadi (al-Ghazali, 2020). Hal ini kerana, tabiat manusia yang dibiasakan ketika kecil memainkan peranan besar dalam membentuk personaliti apabila meningkat dewasa. Di samping itu, bapa juga perlu memerhatikan persekitaran dan lingkungan sosial anak-anak serta perlu berusaha mengambil maklum mengenai rakan mereka bagi mengelakkan mereka terjebak dengan sekumpulan manusia yang bermasalah (al-Ghazali, 2020). Dibimbangi persekitaran bersama mereka yang menormalisasikan perkara dan perbuatan buruk menyebabkan anak-anak juga terlanjur melakukan perkara yang sama.

Tuntutan ghairah dalam Islam

Suami adalah pemimpin yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan keselamatan ahli keluarganya daripada keburukan duniawi dan ukhrawi. Justeru itu, syarak menuntut agar suami sentiasa menunjukkan sifat prihatin serta peka terhadap keadaan dan tindak-tanduk keluarga. Tanggungjawab ini melibatkan proses tarbiyah dan pemantauan yang berterusan agar mereka sentiasa berada dalam lingkungan syariat. Sehubungan dengan itu, Islam menganjurkan sifat ghairah yang perlu diterapkan dalam diri suami sebagai ciri terpenting dalam menggalas peranannya sebagai pelindung keluarga.

Menurut Kamus Dewan (2005), ghairah bermaksud cemburu yang keras. Sifat cemburu merupakan salah satu naluri semula jadi yang ditanamkan oleh Allah dalam diri setiap manusia normal.

Sifat cemburu dirujuk sebagai emosi yang kompleks, merangkumi perasaan takut akan kehilangan sesuatu, kegelisahan, kecurigaan dan marah terhadap pengkhianatan (Parrott et. al, 1993).

Perkataan ghairah dipinjam daripada perkataan *ghirah* dalam Bahasa Arab yang membawa makna perlindungan atau maruah dan kehormatan diri (Ibn Athir, 2000). Menurut Qadi 'Iyadh, perkataan *ghirah* berakar daripada frasa *taghayyur al-qalb* (perubahan emosi dan perasaan) dan *hayajan al-ghadab* (pergolakan kemarahan) yang disebabkan oleh wujudnya perkongsian dan pencerobohan pada perkara yang eksklusif bagi diri seseorang, terutamanya dalam hubungan pasangan suami isteri (al-Asqalani, 2004).

Manakala dalam konteks peranan suami sebagai pelindung keluarga, sifat ghairah bermaksud suami tidak meredai isteri dan anak-anaknya melibatkan diri dalam maksiat dan kemungkaran yang dimurkai oleh Allah. Suami yang mempunyai sifat ghairah akan membenci segala larangan Islam serta tidak akan membiarkan ahli keluarga mereka melangkaui batasan larangan tersebut. Sabda Rasulullah SAW melalui riwayat al-Mughirah:

قَالَ سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ لَوْ رَأَيْتُ رَجُلًا مَعَ امْرَأَتِي لَضَرَبْتُهُ بِالسَّيْفِ غَيْرَ مُصَفِّحٍ. فَبَلَغَ ذَلِكَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ تَعْجَبُونَ مِنْ غَيْرَةِ سَعْدٍ وَاللَّهِ لَأَنَا أَغَيْرُ مِنْهُ وَاللَّهُ أَغَيْرُ مِنِّي وَمِنْ أَجْلِ غَيْرَةِ اللَّهِ حَرَّمَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَلَا أَحَدٌ أَحَبُّ إِلَيَّ الْعُدُورِ مِنَ اللَّهِ وَمِنْ أَجْلِ ذَلِكَ بَعَثَ الْمُبَشِّرِينَ وَالْمُنذِرِينَ وَلَا أَحَدٌ أَحَبُّ إِلَيَّ الْمِدْحَةِ مِنَ اللَّهِ وَمِنْ أَجْلِ ذَلِكَ وَعَدَ اللَّهُ الْجَنَّةَ

Terjemahan: Saad bin Ubada berkata, “Jika aku melihat seorang lelaki bersama isteriku, pasti aku akan tebas lehernya dengan pedang yang tajam.” Ucapan ini didengari oleh Rasulullah SAW. Baginda bersabda, “Adakah kalian berasa hairan dengan kecemburuan Sa’ad? Demi Allah, sesungguhnya aku lebih cemburu daripadanya dan Allah lebih cemburu daripada aku. Oleh kerana itu, Dia mengharamkan segala perbuatan keji sama ada yang terzahir atau tersembunyi. Tiada seorang pun yang lebih suka memaafkan daripada Allah. Oleh kerana itu, Allah mengutuskan para penyampai berita gembira dan pemberi peringatan. Tiada seorang pun yang lebih mencintai pujian daripada Allah. Oleh kerana itu, Allah menjanjikan syurga.”

(Bukhari, 2018: 7416)

Al-Asqalani (2004) menukilkan pandangan Ibn Battal yang menafsirkan bahawa Saad bin Ubadah merupakan seseorang yang tegas dan keras dalam melarang perkara-perkara haram. Namun Rasulullah SAW lebih tegas daripada beliau dan Allah adalah yang paling tegas dalam aspek ini. Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW memprakui sifat ghairah dan sensitiviti yang dipamerkan oleh Saad bin Ubadah terhadap isterinya serta mendidik sahabat baginda yang lain supaya menanamkan sifat sedemikian dalam jiwa mereka supaya membenci maksiat yang berlaku dalam kalangan keluarga. Bahkan, baginda telah menyifatkan Allah dan diri baginda sendiri dengan *ghirah* yang sangat benci dan murka kepada perkara yang bertentangan dengan suruhan dan larangan-Nya.

Pernisbahan ghairah kepada Allah tidak sama seperti pernisbahan ghairah kepada manusia. Hal ini kerana, ghairah adalah perasaan yang dicipta oleh Allah yang bersifat berubah-ubah mengikut keadaan. Manakala Allah pula bersifat qadim, dimana mustahil berlaku perubahan pada zat-Nya kerana perubahan adalah sifat makhluk yang menunjukkan kepada kelemahan (Al-Bajuri, 2002). Ibn al-Arabi berpandangan *ghirah* Allah perlu ditafsirkan dengan perkara yang melazimi sifat tersebut seperti ancaman Allah atau hukuman dan azab Allah (al-Asqalani, 2004). Manakala al-Khattabi pula berpendapat hadis ini ditafsirkan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (al-Asqalani, 2004):

إِنَّ اللَّهَ يَغَارُ وَغَيْرُهُ اللَّهُ أَنَّ يَأْتِيَ الْمُؤْمِنُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah mempunyai ghirah, ghirah-Nya apabila seorang mukmin melakukan perkara yang diharamkan oleh Allah.*

(Bukhari, 2018: 5223)

Juga diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal bahawa Nabi Daud merupakan seorang yang sangat cemburu terhadap isteri-isterinya, sehinggakan baginda sentiasa menguncikan kesemua pintu rumah sebelum meninggalkan kawasan rumahnya supaya tiada sesiapa yang dapat bertemu dengan isteri baginda ketika ketiadaannya (Ibn Kathir, 2014).

Walau bagaimanapun, Islam tidak membenarkan sifat ghairah yang berlebihan dalam diri suami sehingga sentiasa bersangka buruk atau mengawasi dengan kawalan melampau yang menzalimi dan menjejaskan hak isteri. Al-Ghazali (2020) menegaskan suami mengimbangi antara sifat kewaspadaan dan kepercayaan, di mana suami tersebut perlu peka terhadap unsur-unsur yang mampu mendorong isteri ke arah maksiat, di samping dia tidak bersikap terburu-buru dalam bersangka buruk terhadap setiap tindakan isteri tanpa asas yang munasabah. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW melalui periwiyatan Jabir bin Atik:

فَأَمَّا الْغَيْرَةُ الَّتِي يُحِبُّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فَالْغَيْرَةُ فِي الرِّبَةِ وَأَمَّا الْغَيْرَةُ الَّتِي يُبْغِضُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فَالْغَيْرَةُ فِي غَيْرِ رِبَةٍ

Terjemahan: *Adapun sifat cemburu yang dicintai Allah ialah sifat cemburu yang berasaskan kepada sebab yang menimbulkan curiga, manakala sifat cemburu yang dibenci oleh Allah ialah sifat cemburu tanpa sebab yang munasabah untuk dicurigai.*

(Nasaie, 2016: 2558)

Larangan dayus dalam Islam

Lelaki yang tidak mempunyai sifat ghairah atau tiada perasaan peduli terhadap ahli keluarganya yang bergelumang dengan maksiat dianggap sebagai dayus. Justeru, sifat kedayusan suami akan membiarkan isteri bergaul bebas, mendedahkan aurat dan memakai perhiasan yang keterlaluan di khalayak umum selain membiarkan anak bertindak mengikut hawa nafsu tanpa kawalan. Hal ini sangat bertentangan dengan konsep *amr makruf nahi munkar* (Mengajak kepada kebaikan, mencegah daripada kemungkaran) yang sangat dianjurkan dalam kalangan masyarakat Islam, apatah lagi dalam lingkungan ahli keluarga.

Dayus dalam Kamus Dewan (2005) bererti hina dan keji yang digunakan dalam konteks yang menerangkan sifat dan perbuatan lelaki, juga ditakrifkan sebagai pengecut. Perkataan dayus ini juga berasal daripada kamus bahasa Arab, iaitu *dayuth* merujuk kepada lelaki yang membiarkan lelaki asing menemui isterinya dalam keadaan dia melihat pergaulan mereka, seolah-olah dia merelakan perkara itu berlaku di hadapannya (Ibn Manzur, 1999). Menurut Ibn Manzur (1999), dayus juga bermaksud suami yang mengetahui isterinya terlibat dalam penzinaan dan tidak mengendakkannya.

Menurut sebahagian ahli bahasa Arab, perkataan dayus juga merangkumi makna *qawwad* yang difahami sebagai agen dalam aktiviti pelacuran (Ibn Manzur, 1999). Terdapat persamaan yang signifikan antara suami dayus dan agen pelacuran di mana kedua-duanya adalah perantara dalam mempertemukan lelaki dan perempuan yang ajnabi dalam interaksi haram. Dalam konteks suami dayus, dia yang membawa lelaki ajnabi berjumpa isterinya dan membiarkan mereka berdua bergaul antara satu sama lain tanpa pengawasan (al-Haitami, 1938). Menurut al-Zahabi (1998) pula, dayus ialah lelaki yang merestui atau menutup sebelah mata terhadap perbuatan keji isterinya sama ada kerana cinta buta kepada isterinya atau dibimbangi isterinya akan mengancam dia dengan membawa isu kekeluargaan ke mahkamah jika ada tanggungjawab yang diabaikan oleh suami.

Al-Zahabi (1998) dan al-Haitami (1938) mengklasifikasikan dayus sebagai dosa besar yang haram diamalkan oleh setiap suami dan bapa berdasarkan hadis riwayat Umar:

ثَلَاثَةٌ لَا يَنْظُرُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْعَاقُ لِوَالِدَيْهِ وَالْمَرْأَةُ الْمُتَرَجِّلَةُ وَالذَّيْثُ وَثَلَاثَةٌ لَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ الْعَاقُ لِوَالِدَيْهِ وَالْمُدْمِنُ عَلَى الْخَمْرِ وَالْمَنَانُ بِمَا أُعْطِيَ

Terjemahan: *Tiga golongan yang Allah tidak akan melihat mereka pada hari kiamat; anak yang derhaka kepada orang tua, wanita yang menyerupai laki-laki, dan Dayyuts, yaitu seorang yang merelakan keluarganya berbuat kekejian. Dan tiga golongan mereka tidak akan masuk surga; anak yang durhaka kepada orang tua, pecandu khamar, dan orang yang selalu menyebut-nyebut pemberiannya.*

(Nasaie, 2016: 2562)

Hadis ini menerangkan peringatan dan ancaman yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada lelaki dayus bahawa mereka tidak akan mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah pada hari akhirat (al-Sindi, 2022). Bahkan terdapat hadis riwayat Ahmad bin Hanbal dalam Musnadnya dan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman yang menyokong hadis ini, mengatakan diharamkan lelaki dayus daripada memasuki syurga. Ahmad Sanusi (2023) menyenaraikan beberapa perkara yang perlu diambil berat oleh suami dan bapa supaya tidak meniru tingkah laku lelaki dayus, antaranya:

- Mengendahkan isteri dan anak yang tidak menutup aurat atau membiarkan mereka memakai pakaian yang terzahir bentuk tubuh badan pada orang asing.
- Tidak mengawasi lingkungan sosial isteri dan anak sehingga terlanjur dalam pergaulan bebas tanpa batasan syarak atau membenarkan mereka dalam keadaan khalwat bersama ajnabi.
- Memberi keizinan kepada isteri dan anak menyertai program yang mempunyai unsur-unsur kemungkaran seperti konsert.
- Merelakan isteri dan anak bersentuhan dengan ajnabi tanpa sebarang kezururan syarie walaupun atas urusan kerja seperti profesion lakonan dan solekan.

Maka, seorang suami atau bapa perlu mengambil langkah serius serta sensitif terhadap persekitaran ahli keluarga agar dapat melindungi mereka daripada terlanjur dalam kemaksiatan dan kemungkaran dengan menerapkan sifat ghairah dalam diri. Fenomena dayus bukan sekadar dianggap sebagai masalah peribadi, bahkan dayus merupakan masalah sosial yang mempunyai impak besar yang negatif terhadap institusi kekeluargaan dan masyarakat Islam. Hal ini demikian kerana, sifat dayus akan menggugat pelbagai aspek kehidupan manusia dari sudut maqasid syariah terutamanya dalam menjaga kesucian agama, integriti kehormatan manusia dan memelihara ketulenan keturunan.

RUMUSAN

Dalam perspektif Islam, peranan suami dan bapa sebagai pelindung keluarga membawa makna yang komprehensif, merangkumi tanggungjawab memberi bimbingan serta melakukan kawalan dan pengawasan terhadap ahli keluarga. Ini berdasarkan dalil al-Quran dan hadis yang menetapkan kewajipan suami supaya melindungi keluarga daripada kemungkaran yang mengundang kemurkaan Allah. Oleh itu, suami perlu mempunyai pengetahuan asas yang kukuh mengenai hukum-hukum kekeluargaan Islam supaya tidak menzalimi hak dan kewajipan ahli keluarga yang akan menggugat keharmonian rumahtangga. Ini mencakupi hukum-hukum yang berkaitan hak khusus isteri, isu nusyuz, solusi menangani nusyuz dan gaya penjagaan anak-anak.

Bagi menjalankan tanggungjawab yang berat ini, suami perlu menanamkan sifat ghairah dalam diri bagi melahirkan rasa benci terhadap kemungkaran yang berlegar dalam kalangan keluarga. Sifat ghairah yang berpaksikan ilmu dan hikmah akan menjadi benteng kukuh yang menjaga agama, maruah dan keutuhan rumahtangga daripada sebarang keburukan. Tambahan pula, suami perlu menghindari sifat dayus yang merupakan ancaman terbesar bagi masyarakat Islam, menggugat kesucian agama, kehormatan peribadi dan ketulenan nasab. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar kajian lanjutan dilaksanakan bagi meneliti peranan dan tanggungjawab suami dalam institusi kekeluargaan dari sudut perspektif Islam, termasuk kaedah pelaksanaan tanggungjawab tersebut secara berkesan.

RUJUKAN

- Azmi, A.S. & Mohamed Nor, Z. (2023). *40 hadis tentang kekeluargaan*. Nilai: Ulum Hadis Research Center.
- Al-Abbady, Muhammad Ibrahim Abdul Aziz Ibrahim. (2018). *Hudud Ta'at al-Mar'at li Zaujiha fi al-Fiqh al-Islami: Al-Khilaf al-Fiqhi bain al-Zaujain Namudzaja*. IIUM Press, International Islamic University Malaysia.
- Al-Asqalani, Ibn Hajar Ahmad bin Ali. (2004). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-'Aini, Badruddin Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad. (2001). *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Bajuri, Burhanuddin Ibrahim. (2002). *Tuhfah al-Murid 'Ala Jauharah al-Tauhid*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al- Baidhowi, Abu Said Abdullah bin Umar. (1911). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al- Ta'wil*. Jil. 2. Mesir: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubra.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2020). *'Ihya' Ulum al-Din*. Lebanon-Malaysia: Saqifat al-Safa al-'Ilmiyyah.
- Al-Haitami, Shihabuddin Ibn Hajar Ahmad bin Muhammad. (1938). *Al-Zawajir 'An Iqtiraf al-Kabair*. Kaherah: Matba'ah Hijazi.
- Al-Haitami, Shihabuddin Ibn Hajar Ahmad bin Muhammad. (2020). *Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*. Kuwait: Dar al-Dhiya'.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (2015). *Tafsir Maraghi*. Lebanon: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syaraf. (2023). *Minhaj al-Talibin*. Kuwait: Dar Faris.
- Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. (2022). *Nihayah al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. (2010). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Razi, Fakhruddin Muhammad bin Umar al-Khatib. (1981). *Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sindi, Muhammad bin Abdul Hadi al-Madani. (2022). *Sunan Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hashiyat al-Imam al-Sindi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Syirbini, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (2022). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Damsyik: Dar al-Faiha' & Dar al-Manhal Nasyirun.
- Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad bin Jarir. (2021). *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil 'Ai al-Quran*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Zahabi, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. (2020). *Al-Kabair*. Dar Ibn Kathir & Maktabah Dar al-Turath.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2003). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.

- Britannica, T. *Editors of Encyclopaedia*. (2020, March 3). *Role Sociology*. Encyclopedia Britannica, <https://www.britannica.com/topic/role>.
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (2022). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min 'Umur Rasulillah wa Sunanihi wa 'Ayyamihi*. Damsyik: Dar al-Risalah Nasyirun.
- Dewan, B. P. (2005). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke empat. Kuala Lumpur.
- Ibn Athir, Izzuddin Ali bin Muhammad al-Syaibani. (2000). Jeddah: *Dar Ibn al-Jauzi*.
- Ibn Kathir, Abu Fida Ismail bin Umar. (2014). *Qasas al-Anbiya'*. Beirut: Dar Ibn al-Hazm
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1999). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Qarahdaghi, Umar bin al-Syeikh Muhammad Amin. (2007). *Al-Manhal al-Naddhakh fi Ikhtilaf al-'Ashyakh fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiah.
- Mokhtar. N. A. (2024). *Polis tumpaskan kegiatan 'swinger', tahan 36 individu*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my>.
- Mohd Nor, N. I. (2021). *Fenomena anak tak sah taraf dalam kalangan orang Islam di Malaysia*. International Conference on Syariah and Law 2021, 182-197.
- Parrott, W. Gerrod & Smith, R.H. (1993). Distinguishing the Experiences of Envy and Jealousy. *Journal of Personality and Social Psychology*. Vol 64, 6, 906-920.a
- Shihab. Q. (2021). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, kesan dan keserasian al-Quran*. Tangerang: Penerbit Lentera Hati.
- Putung, S. H. & Azhari, R. (2020). Kepemimpinan suami dalam perspektif Islam: Fungsi dalam memperkukuhkan institusi keluarga. *Jurnal Syariah*, 28(2), 127-156.
- Mohammed Ali, S. M. & Abdullah, A. (2023). Kawalan sosial ibubapa terhadap anak-anak dalam penglibatan pornografi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(1), 1-14.
- Suwaid, Muhammad Nur bin Abdul Hafiz. (2000). *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah Li al-Tifl*. Mekah: Dar Taibah.
- Tontowi, Muhammad Sayyid. (1987). *Al-Tafsir al-Wasit li al-Qur'an al-Karim*. Mesir. *Al-Risalah*.
- Wan Ismail, W.A.F., Abdul Mutalib, L., Nik Saleh, N. S., Baharuddin, A.F., Mamat, Z., Syed Husin, S.M.N., Aiman Alias, M.A. & Abdullah Kahar, N.S. (2022). Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Al-Qanatir*, 26 (2), 48-61.
- Mamat, Z. (2024, November 2024). *Pentingnya wali dalam kehidupan seorang muslimah*. <https://www.usim.edu.my>.